

Headline	Tiada lambakan durian di Malaysia setakat ini		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Jun 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	11	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	211 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,473
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,419



Tiada lambakan durian di Malaysia setakat ini

SEREMBAN - Permintaan terhadap durian dilaporkan semakin meningkat sekali gus tidak berlaku lambakan buah itu di negara setakat ini.

Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Ahmad Ishak berkata, permintaan terlalu tinggi sama ada dari dalam dan luar negara menyebabkan raja buah itu ditunggu-tunggu.

Menurutnya, selain dieksport ke luar negara, permintaan luar biasa terhadap produk berdasarkan durian terutama tempoyak mengatasi masalah lambakan durian di negara ini.

"Durian boleh diproses menjadi pes untuk kegunaan produk dan pasaran.

"Baru-baru ini, hasil tinjauan kita dapati keperluan tempoyak untuk tujuan masakan oleh kebanyakan pengusaha restoran dari Pahang, Negeri Sembilan dan Lembah Klang memerlukan satu juta kilogram durian.

"Ia satu angka yang besar dan kita dapat permintaan



Ahmad (depan, empat dari kiri) dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun (depan lima dari kiri) bergambar bersama kakitangan FAMA Negeri Sembilan semalam.

durian kampung juga sangat meningkat dan begitu juga permintaan ke atas segmen produk yang diproses daripada durian," katanya kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Dwi Tahunan ke-16 Kelab Sukan FAMA Negeri Sembilan di sini semalam.

Beliau berkata, produk berdasarkan durian juga meningkat seperti durian crepe, kuih-muih dan biskut melengkapkan lagi pembangunan pasaran produk raja buah itu.

Beliau berkata, pertambahan lokasi penanaman juga menjadikan lebih ramai petani mengusahakan tanaman buah jenis berkualiti tinggi seperti musang king, durian duri hitam dan sebagainya.

Ahmad turut memaklumkan sepanjang tahun lalu lebih RM70 juta buah durian iaitu bersamaan 300,000 tan metrik dieksport ke China.

Katanya, permintaan tinggi negara luar membantu meningkatkan pasaran buah dengan baik.